

**Indeks Harga Pengguna Thailand Meningkat Kepada 2.11 Peratus Pada Mac  
Bernama  
1 Apr, 2014**

BANGKOK, 1 April (Bernama) -- Indeks Harga Pengguna (CPI) Thailand meningkat kepada 2.11 peratus pada Mac daripada 1.96 peratus pada Februari, sebahagian besarnya berikutan peningkatan harga makanan.

Kadar itu merupakan yang tertinggi dalam tempoh sembilan bulan, menurut Kementerian Perdagangan.

"Masalah kemarau menyebabkan bekalan produk pertanian rendah dan harga makanan meningkat, terutama sayur-sayuran segar, beras, daging khinzir, gas memasak dan makanan lain," kata Penasihat Komersil kementerian, Amparwon Pichalai.

Beliau berkata inflasi dijangka meningkat dalam tempoh terdekat, begitu juga harga makanan.

"Inflasi telah meningkat pada kadar yang sewajarnya, membantu merangsang pertumbuhan ekonomi walaupun kuasa membeli rendah," katanya.

Inflasi teras pada Mac, tidak termasuk harga makanan dan bahan api yang tidak menentu, mengukuh sedikit kepada 1.31 peratus tahun ke tahun, manakala kadar suku pertama 1.19 peratus tahun ke tahun, dalam julat sasaran Bank of Thailand 0.5-3 peratus.

Inflasi pada separuh pertama tahun ini dijangka berkembang pada 2.12 peratus tahun ke tahun, di bawah unjuran tahunan kementerian itu antara 2-2.8 peratus, kata Amparwon.

Inflasi suku pertama meningkat dua peratus tahun ke tahun.

Kementerian mengunjurkan inflasi pada suku kedua pada purata 2.24 peratus tahun ke tahun.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1026933>